



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10.00 pagi, 29 November 2024

Untuk Terbitan Media
29 November 2024

SIARAN MEDIA

PEKERJA PELABUHAN MAUT DIHEMPAP KONTENA, WARIS KELUARGA TERIMA DUA FAEDAH PERKESO

KLANG – Nafkah hingga hujung nyawa itulah yang dirasai oleh balu pekerja Northport yang menerima faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) selepas suaminya terkorban akibat dihempap kontena ketika bekerja pada 20 November lalu.

Pengarah PERKESO Negeri Selangor, Ismail Abi Hashim memaklumkan Allahyarham Muhammad Alhafizz Mohamad Abdol Rajak, 34 merupakan pencarum bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak 2013.

Dalam kejadian tersebut, mangsa sedang menjalankan tugas di atas kapal sebelum dihempap kontena semasa kerja pemungghahan dan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah yang dialaminya.

Insiden terbabit, bagaimanapun tidak disedari oleh rakan sekerja sehingga kerja pemungghahan tamat.

Ismail berkata, PERKESO mengesahkan bahawa kejadian malang yang menimpa mangsa adalah termasuk bawah Skim Bencana Pekerjaan sekali gus melayakkan waris keluarga menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) daripada PERKESO.

“Allahyarham yang baru sahaja menimang cahaya mata empat bulan lalu meninggalkan seorang balu, Siti Zakiah Hazlan, 30, dan seorang anak lelaki Muhammad Almateen, empat bulan, menerima FPM berjumlah RM3,000.00 secara sekali bayar.

“Balu dan anak Allahyarham turut menerima FOT bulanan sebanyak RM3,164.70 yang diagihkan mengikut syer, di mana balu akan menerima faedah seumur hidup manakala anaknya sehingga berusia 21 tahun atau tamat pengajian ijazah pertama.

“PERKESO juga sedia membantu Siti Zakiah yang juga seorang suri rumah untuk mendapatkan pekerjaan menerusi Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) di sekitar Johor Bahru bagi membantu beliau untuk menampung kehidupan selepas kehilangan suaminya itu,” jelas

Ismail.

Turut hadir dalam Ziarah Prihatin ke kediaman Allahyarham adalah Ketua Cawangan Skwad Prihatin Ibu Pejabat PERKESO, Rosmasita Mohamed dan Pengurus Pejabat PERKESO Klang, Thavamani Ramalingam.

Tamat
###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

29 November 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ikliil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my